

**MEMPROMOSIKAN TARIAN DABUS DALAM  
BENTUK POSTER BAGI TAHUN MELAWAT  
NEGERI PERAK**

**ASMIDAH BINTI AZMAN**

**IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF  
DENGAN KEPUJIAN**

**2021**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**MEMPROMOSIKAN TARIAN DABUS DALAM BENTUK  
POSTER BAGI TAHUN MELAWAT NEGERI PERAK**

**ASMIDAH BINTI AZMAN**

**C17A0026**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat bagi memenuhi Ijazah Sarjana Muda  
Teknologi Kreatif dengan kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
(FTKW)**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2021**

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.  
Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

ASMIDAH BINTI AZMAN

CIK IZATI NABILA BINTI MARZUKI

Tarikh: 15 JULAI 2021

Tarikh: 15 JULAI 2021

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya yang telah saya jelaskan sumbernya.

---

Tandatangan

Nama Pelajar : ASMIDAH BINTI AZMAN

No Matrik : C17A0026

Tarikh: 15 JULAI 2021

Tandatangan Penyelia

---

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia : CIK IZATI NABILA BINTI MARZUKI

Cop :

Tarikh: 15 JULAI 2021

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, projek penyelidikan ini dapat saya sempurnakan pada masa yang ditetapkan meskipun terdapat kekangan yang perlu ditempuh dalam usaha melengkapkan projek penyelidikan ini.

Terlebih dahulu, saya ingin melafazkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Cik Izati Nabila binti Marzuki atas nasihat, bimbingan dan sokongan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Mereka juga merupakan individu yang sering mengambil berat akan tugas para pelajar di bawah seliaannya serta selalu memberikan pandangan dan pembetulan terhadap kajian.

Disamping itu juga, saya ingin menyampaikan ucapan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu dan bapa saya yang dikasihi kerana menjadi pembakar semangat saya di “Menara Gading” ini dalam melakukan apa jua perkara di dalam kehidupan termasuklah menyempurnakan tugas projek penyelidikan ini.

Tidak dilupakan, saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan saya yang sentiasa memberikan dorongan dan semangat saat saya menghadapi kesukaran dalam pelaksanaan kajian ini. Sebelum saya mengundur diri, ingin saya selitkan juga ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan serta pihak-pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyempurnaan projek penyelidikan ini. Semoga dengan segala bantuan dan kerjasama yang diberikan mampu membuka lembaran baru terhadap dunia industri kreatif dan warisan di negara Malaysia ini.

# MEMPROMOSIKAN TARIAN DABUS DALAM BENTUK POSTER BAGI TAHUN MELAWAT NEGERI PERAK

## ABSTRAK

Tarian dabus merupakan sejenis tarian melayu traditional. Tarian ini berasal dari negeri Perak dan mengandungi unsur keagamaan yang berkait dengan kepahlawanan Sayidina Ali. Tarian ini dipercayai mula dimainkan di negeri Perak sejak 300 tahun yang lalu. Ada beberapa pendapat yang mempertikaikan kemasukkan senitari dabus ke bumi Perak. Satu pendapat mengatakan dabus dipercayai dibawa masuk terus ke Perak oleh Ahmad Mahyuddin yang berasal dari Parsi (Baghdad) sekitar tahun 1785. Beliau merupakan anak murid kepada tuan guru Muhammad Abil Hassan al-Rifai. Tarian ini mula berkembang di Pasir Panjang Laut, Sitiawan, Lumut, dan juga di Sungai Nipah Baroh serta Sungai Balai Baroh, Teluk Intan, Perak. Pendapat kedua mengatakan permainan dabus telah di bawa ke Indonesia melalui Pasai di Aceh sebelum dikembangkan ke Pasir Panjang, Perak oleh Nakhoda Lembang yang berguru daripada saudagar Fakir Muhammad dari India, yang juga anak murid kepada tuan guru Muhammad Abil Hassan al-Rifai. Tujuan kajian ini adalah untuk menaikkan semula seni warisan peninggalan yang semakin dilupakan oleh masyarakat pada hari ini. Kajian ini menggunakan kaedah teknik pengumpulan data melalui kaji selidik, pemerhatian dan sumber rujukan serta soal selidik. Oleh itu, kajian yang dibuat ini merupakan salah satu pendekatan yang berkesan dengan adanya cara baru terhadap yang lebih baik. Mungkin sebelum ini kebanyakan masyarakat kurang mengambil tahu tentang tarian dabus dan dengan adanya pembaharuan melalui mempromosikan dapat menarik minat masyarakat untuk lebih mengenali.

**Kata kunci:** *tarian dabus, seni warisan*

## ISI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>vii</b>
<b>BAB 1</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan kajian	3
1.3 Objektif kajian	4
1.4 Persoalan kajian	4
1.5 Hipotesis Kajian	4
1.6 Skop Kajian	5
1.7 Kepentingan Kajian	5
1.8 Kesimpulan	6

<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>7</b>
2.1	Pengenalan	7
2.2	Identiti tarian dabus	8
2.3	Sejarah tarian dabus	9
2.4	Ddefinisi tarian dabus	10
2.5	Alat kusus untuk pertunjukan dabus	13
2.6	Persiapan sebelum persembahan	14
2.7	Persembahan	15
2.8	Pakaian	17
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>18</b>
3.1	Pengenalan	18
3.2	Rekabentuk kajian	18
3.3	Sampel kajian	19
3.4	Kaedah kajian	20
3.5	Kaedah analisis data	21
3.6	Kerangka kerja kajian	22
3.7	Carta gantt	23
3.8	Kesimpulan	24



<b>BAB 4</b>	<b>HASIL DAN PERBINCANGAN</b>	<b>25</b>
4.0	Pengenalan	25
4.1	Analisis data	26
4.2	Pembangunan produk	36
4.3	Kesimpulan	40
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>41</b>
5.1	Pengenalan	41
5.2	Cadangan penyelidikan	41
5.3	Cadangan	43
5.4	Kesimpulan	44
<b>RUJUKAN</b>		<b>45</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>46</b>

## SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
1.	Carta Gantt	22

## SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.1	Kerangka Kerja Kajian	21
2.1	Carta Jantina Responden	26
2.2	Carta Umur Responden	26
2.3	Carta Pekerjaan Responden	27
2.4	Carta Negeri Responden	27
3.1	Carta bilangan responden yang mengetahui tarian dabus	28
3.2	Carta mempromosikan mengenai tarian dabus	29
3.3	Carta tentang tarian dabus ini patut dikekalkan	29
3.4	Carta mempromosikan tarian dabus ini dapat memberikan Informasi dan pengetahuan kepada masyarakat	30
3.5	Carta poster atau item yang berkaitan tarian dabus	31
4.1	Carta penghasilan poster dapat membantu masyarakat supaya mengetahui mengenai tarian tradisional	32
4.2	Carta poster yang menjadi pilihan	33
4.3	Carta poster susun letak poster yang sesuai untuk dijadikan Kempen	34

5.1	Rajah adobe yang digunakan untuk menghasilkan Poster	36
5.2	Rajah proses penghasilan poster	38



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENGENALAN

Dabus pada asalnya bukanlah sebuah tarian tetapi merupakan sejenis seni mempertahankan diri. Oleh itu, konsep dabus ialah kepahlawan. Justeru itu, permainan dabus menuntut kecerdasan, ketangkasan, keperwiraan dan keceriaan ketika bermain. Tarian Dabus merupakan sejenis tarian Melayu traditional. Tarian ini berasal dari negeri Perak dan mengandungi unsur keagamaan yang berkait dengan kepahlawanan Sayidina Ali.

Tarian ini dipercayai mula dimainkan di negeri Perak sejak 300 tahun yang lalu. Ada beberapa pendapat yang mempertikaikan kemasukkan senitari dabus ke bumi Perak. Satu pendapat mengatakan dabus dipercayai dibawa masuk terus ke Perak oleh Ahmad Mahyuddin yang berasal dari Parsi (Baghdad) sekitar tahun 1785. Beliau merupakan anak murid kepada tuan guru Muhammad Abil Hassan al-Rifai. Tarian ini mula berkembang di Pasir Panjang Laut, Sitiawan, Lumut, dan juga di Sungai Nipah Baroh serta Sungai Balai Baroh, Teluk Intan, Perak.

Pendapat kedua mengatakan permainan dabus telah di bawa ke Indonesia melalui Pasai di Aceh sebelum dikembangkan ke Pasir Panjang, Perak oleh Nakhoda Lembang yang berguru daripada saudagar Fakir Muhammad dari India, yang juga anak murid kepada tuan guru Muhammad Abil Hassan al-Rifai. Dan satu lagi pendapat mengatakan Ahmad Mahyuddin yang berguru dengan Muhammad Abil Hassan al-Rifai telah bertemu dengan Nakhoda Lembang dari Batu Bara, Aceh yang berguru dengan Fakir Muhammad dari India pada tahun 1785, telah bersama-sama memperkembangkan kesenia dabus ke Perak di Pasir Panjang seawal tahun 1700.

Dalam sejarah kesenian Melayu, dabus tidak sekadar hiburan semata-mata, tetapi juga sebagai kontribusi untuk mempertahankan kedaulatan serta mengangkat martabat suatu bangsa, seperti yang pernah terjadi di Perak, pada masa penjajahan Belanda (1680-1690). Pada waktu itu, ada pahlawan Melayu, bergelar Panglima Kulop Mentok yang sangat membenci penjajah Belanda. Ia menyerang tentara-tentara Belanda dengan menggunakan ilmu dabus, sehingga banyak tentara Belanda yang tewas. Kerana kalah, tentara Belanda yang masih hidup akhirnya melarikan diri dan meninggalkan daerah yang direbut oleh Panglima Kulop Mentok tersebut. Namun erti kata lain, dabus ini hanya bertujuan untuk hiburan. Tarian dengan semangat kepahlawanan ini dijadikan sebagai simbol-simbol keberanian yang banyak digemari oleh kebanyakan masyarakat.

Dabus adalah tarian pahlawan negeri Perak yang kian tenggelam ditelan arus zaman. Pada awalnya, ia tarikan oleh lelaki sahaja menggunakan pakaian pahlawan Melayu Perak. Seramai 8 hingga 12 orang akan menari sambil diiringi oleh paluan alat muzik rebana. Dipercayai, tarian ini dipersembahkan bagi menunjukkan keberanian pahlawan Perak kepada tetamu di istana. Pada akhir persembahan, penari akan mencucuk lengan menggunakan anak dabus. Setelah selesai, ketua dabus akan menjampi dan mencuci luka dengan air penawar. Pada awalnya, selain menggunakan anak dabus, penari menggunakan pelbagai senjata tajam lain untuk menambah kehebatan penari dabus. Diantaranya ialah pisau belati, keris, kapak kecil dan batu guling.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Tarian dabus telah diiktiraf sebagai tarian tradisional negeri Perak sejak lebih 40 tahun yang lalu oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) negeri Perak. Namun demikian, seni tarian tradisional ini semakin dilupakan oleh generasi kini. Banyak pihak mempertikaikan mengenai Tarian Dabus kerana kaitannya dengan alam mistik, jampi serapah dan unsur ritual dalam persembahan yang menjurus kepada amalan khurafat dalam Islam. Namun dalam kalangan penggiat seni, Tarian Dabus sangat istimewa dan diangkat sebagai warisan sebenar negara yang patut dipelihara dan dikekalkan, selain menganggap unsur mistik dalam tarian tersebut sebagai “rencah” dalam tarian tradisional.

Dalam setiap penyelidikan akan wujud pelbagai permasalahan yang harus penyelidik atasi. Antara permasalahan kajian yang terdapat di dalam penyelidikan ini ialah tarian tradisional terutama tarian tradisional dabus ini semakin kurang diminati oleh generasi muda. Golongan ini lebih cenderung kepada tarian berbentuk moden dan tarian barat yang di bawa masuk ke dalam negara ini. Ini menyebabkan tarian tradisional khususnya tarian dabus semakin dilupa dan dipinggirkan. Jika dibiarkan keadaan ini berterusan tarian tradisional akan pupus dan melenyapkan budaya masyarakat Melayu yang diamalkan sejak dahulu lagi.

Selain itu, terdapat juga permasalahan dari segi Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Perak tidak memainkan peranan dalam memperkenalkan tarian ini kepada masyarakat. Ini kerana seperti mana yang kita tahu Jabatan ini merupakan organisasi seni yang penting dalam memastikan seni tarian tradisional tidak terus dipinggir dan dilupakan. Namun persoalannya di sini peranan itu tidak dimainkan dan sekadar melepas batuk ditangga sahaja.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengenalpasti pengetahuan dan pemahaman masyarakat mengenai sejarah dan perkembangan tarian dabus di perak.
2. Mengenalpasti kaedah yang lebih sesuai dan berkesan bagi mempromosikan tarian dabus dalam tahun melawat perak melalui kempen kesedaran.
3. Mengkaji sejauh mana masyarakat tahu tentang tarian dabus yang berada di negeri Perak.

### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

1. Adakah masyarakat mengenali sejarah dan perkembangan tarian dabus di negeri Perak atau sebaliknya?
2. Adakah dengan memperkenalkan tarian dabus dalam tahun melawat perak melalui kempen kesedaran dapat disampaikan?
3. Mengapakah tarian dabus kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat pada hari ini?

### **1.5 HIPOTESIS KAJIAN**

Hipotesis yang didapati, pengkaji mendapati, terdapat permasalahan yang boleh diatasi secara positif oleh pihak yang bertanggungjawab seperti JKKN. Selain itu, terdapat beberapa rekabentuk poster yang boleh dijadikan sebagai mempromosikan tarian dabus kepada masyarakat. Disamping itu, dengan adanya poster dapat menyampaikan maklumat yang lebih berkesan serta dapat menarik minat masyarakat untuk lebih mengenali tarian dabus.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di negeri Perak. Kajian ini tertumpu berkaitan tentang kempen kesedaran tahun melawat negeri Perak dengan memperkenalkan tarian dabus. Sekali gus, dapat mempromosikan dan memperkenalkan sejarah serta asal usul keberadaan tarian dabus ini kepada masyarakat. Sekali gus, dapat memupuk rasa ingin tahu tentang keberadaan tarian tradisional masyarakat melayu.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Sesuatu kajian yang dijalankan sudah semestinya mempunyai sebab dan kepentingan tersendiri yang ingin dicapai atau dibuktikan. Antara kepentingan yang boleh direalisasikan melalui kajian ini adalah dapat memberi lebih banyak pendedahan dan pengetahuan yang boleh membantu dalam mempromosikan tarian dabus dalam kalangan masyarakat pada masa kini. Hal ini kerana dengan adanya kempen kesedaran melalui tahun melawat negeri Perak ini dapat membantu masyarakat untuk lebih mengenali tarian dabus dengan lebih dekat.

Selain itu, penyelidikan ini juga penting bagi memupuk minat generasi muda terhadap tarian tradisional terutama tarian tradisional dabus. Jika dilihat pada masa kini, terdapat ramai generasi baru yang tidak mengetahui tentang tarian tradisional terutama tarian tradisional dabus. Dengan ini penyelidik cuba memfokuskan kepada pelajar sekolah rendah bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebung. Dengan wujudnya penyelidikan ini bukan sahaja dapat memupuk minat tetapi secara tidak langsung dapat mewujudkan generasi pelapis dalam mengekalkan tarian tradisional dari terus dipinggirkan.



Kepentingan penyelidikan yang seterusnya ialah untuk mendedahkan keunikan tarian tradisional terutamanya tarian dabus kepada masyarakat umum. Kebanyakan masyarakat terutama generasi baru hanya mengenali nama tetapi tidak tahu keunikan tarian tersebut. Sedangkan tarian tradisional terutamanya tarian dabus mempunyai pelbagai keunikan yang tiada pada tarian moden. Contohnya tarian dabus menggunakan alat muzik secara langsung tetapi tarian moden menggunakan muzik yang sudah dirakam.

## **1.8 KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan, dalam bab satu ini, pengkaji telah membicarakan serta menganalisa mengenai tajuk-tajuk yang berkaitan dengan pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, persoalan kajian, skop kajian serta kesimpulan. Oleh hal demikian, melalui pembicaraan dan juga analisis ini, didalam bab satu ini akan menjadi panduan kepada pengkaji ataupun kepada penyelidik lain bagi menjalankan kajian atau penyelidikan lain pada masa akan datang.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATURI

#### 2.1 PENGENALAN

Tinjauan literatur dibahagikan kepada tinjauan mengenai kesenian Dabus di Perak, impak kesenian dalam aspek sosiologi dan juga interpretasi kesenian terhadap aspek nilai dan budaya masyarakat. Mohd Ghouse Nasuruddin (1995) telah mengupas mengenai kesenian Dabus di Perak telah menyatakan bahawa Dabus dipercayai berunsurkan konsep islamik dan mempunyai pengaruh dari Arab iaitu pada zaman pemerintahan Rasulullah SAW dan empat orang sahabatnya iaitu Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Saidina Usman dan Saidina Ali. Selain itu, menerusi makalah Siri Tarian Dabus-Warisan Kesenian Negeri Perak (2003) menjelaskan bahawa persembahan pertama Dabus telah dijalankan di Pasir Panjang, Setiawan Perak. Penari dan penggiat di sana mempercayai bahawa tarian ini di bawa dari Aceh oleh Nakhoda Lombong, iaitu nakhoda kapal yang belayar dari Batu Bara, Aceh. Seterusnya, Rozimah Bidin dan Maziah Ab. Rashid (2007) telah mengupas mengenai Dabus dengan menjelaskan bahawa tarian ini menggabungkan beberapa aspek bunyi seperti gendang dabus, gong dan zikir serta goyongan anak Dabus yang bergemercik. Tinjauan mengenai kesenian dalam aspek sosiologi pula menjelaskan bahawa seni lebih dilihat menguasai hal-hal yang berkaitan dengan taraf dan nilai perihal ketika menikmati sesebuah kesenian (Syed Naquib, 2003). Syed Naquib (2003) turut menyatakan bahawa seni ialah suatu cara atau gaya falsafah yang berdasarkan pengkajian alam semasa mengikut tatatertib akal. Menurut Nik Mustapha Nik Mohd Salleh (2006) pula, manusia dilahirkan dengan perasaan gembira, sedih dan mempunyai harapan melalui lagu-lagu rakyat. Budaya dapat dihayati melalui

seni yang terdapat pada sesebuah lirik lagu. Seterusnya Aripin Said (2006) menyingkapkan bahawa nyanyian dalam masyarakat tradisional mampu mencetus satu pembentukan dalam hati budi sesebuah masyarakat. Nyanyian rakyat bagaikan satu khazanah budaya yang merentas perhubungan tamadun bangsa walaupun sangat berfungsi pada perlambangan masa lalu, namun nyanyian tradisional dapat dijadikan ubat atau bahan yang dapat meredakan kemelut jiwa. Interpretasi kesenian dalam aspek nilai dan budaya masyarakat pula disorotkan mengenai pembentukan nilai dan budaya melalui persembahan berunsurkan kesenian. A. Aziz Deraman (2005) telah menyatakan bahawa proses perubahan budaya secara penerimaan pengaruh luar adalah dari dalam budaya itu sendiri. Proses perubahan budaya secara dalaman itu agak dalaman, tetapi apabila berlaku tekanan pengaruh daripada luar, maka kadar perubahannya menjadi pesat sekali. Seterusnya, Zainal Abidin Borhan (2009) menjelaskan budaya terdiri daripada semua proses belajar dalam sesebuah masyarakat selain kesenian dan kebudayaan yang turut memperlihatkan persoalan mengenai penyesuaian diri (Kluckhorn, 1952).

## **2.2 IDENTITI DABUS**

Setiap penari atau pemain dabus mesti menggunakan sejenis besi tajam yang dipanggil 'anak dabus'. Penggunaan anak dabus ini ialah untuk memperlihatkan keistimewaan tarian tersebut. Tanpa penggunaan anak dabus, akan hilanglah identiti dabus. Permainan dabus yang asli tidak sahaja para pemain atau penari menggunakan anak dabus sebaliknya mereka akan menggunakan beberapa senjata tajam yang lain untuk mempamerkan kehebatan permainan dabus. Selain anak dabus, antara senjata tajam yang lain yang digunakan dalam persembahan dabus ialah keris, pisau belati, kapak, batu giling dan tali.

### 2.3 SEJARAH TARIAN DABUS

Dabus adalah kesenian yang mempertunjukkan kemampuan manusia luar biasa, seperti kebal terhadap senjata tajam, api, atau minum air keras dan lain-lain. Menurut catatan sejarah, dabus ini sebenarnya ada hubungan dengan tarikat Rifaiyah yang dibawa oleh Nurrudin ar-Raniry ke Aceh pada tahun 1637 M. Dabus ini pada awalnya bukanlah sebuah tarian, melainkan salah satu jenis seni bela diri. Oleh karena itu, tarian ini dikenal juga dengan tarian kepahlawanan, karena memperlihatkan “keluarbiasaannya” dalam pertunjukannya. Tarian ini hingga sekarang masih berkembang di daerah yang berkebudayaan Melayu.

Dalam sejarah kesenian Melayu, dabus tidak sekedar hiburan semata, tetapi juga sebagai kontribusi untuk mempertahankan kedaulatan serta mengangkat martabat suatu bangsa, seperti yang pernah terjadi di Perak, Malaysia pada masa penjajahan Belanda (1680-1690). Pada waktu itu, ada pahlawan Melayu, bergelar Panglima Kulop Mentok yang sangat membenci penjajah Belanda. Ia menyerang tentara-tentara Belanda dengan menggunakan ilmu dabus, sehingga banyak tentara Belanda yang tewas. Karena kalah, tentara Belanda yang masih hidup akhirnya melarikan diri dan meninggalkan daerah yang direbut oleh Panglima Kulop Mentok tersebut. Namun, dalam konteks kekinian, dabus ini hanya bertujuan untuk hiburan. Tarian dengan semangat kepahlawanan ini dijadikan sebagai simbol-simbol keberanian yang banyak digemari oleh masyarakat ramai.

Konon, tarian dabus diperkenalkan oleh pengikut Sayidina Ali (kaum Syiah) yang dipersembahkan untuk memperlihatkan kehebatan dan kekebalan orang Syiah dalam suasana perang agar pihak lawan tidak berani mengganggu mereka. Kesenian ini pernah berkembang di Aceh dengan sebutan daboh melalui pedagang Arab yang datang ke daerah ini, kemudian menyebar ke seluruh nusantara, di antaranya Banten dengan sebutan

debus, Bugis dan Perak (Malaysia) dengan sebutan dabus. Perbedaan ini hanya pada sebutan (dialek) bahasa, tidak pada substansinya, yaitu tarian yang memperagakan bahwa para penari itu kebal dengan senjata tajam atau api, dan lain-lain.

Dari Aceh, sekitar tahun 1600 M, dua orang pedagang dari Batu Bahara, bergelar Nakhoda Lembang dan Nakhoda Topah merantau ke Perak dan tinggal di daerah Telaga Nenas, Sitiawan. Selama berada di daerah ini, mereka selalu berlatih dengan memainkan dabus pada malam hari, sehingga menarik perhatian penduduk setempat, lalu dabus dipelajari dan dikembangkan di sana. Setelah itu, mereka pindah ke daerah Pasir Panjang Laut, Bagan Datoh dan Kuala Selangor. Di setiap daerah tersebut mereka sempat mengajari penduduk setempat, sehingga tarian dabus ini berkembang dengan pesat sampai sekarang. Tarian ini sebenarnya gabungan dari tiga jenis seni: nyanyian, tarian dan pertunjukan keberanian yang dilakukan para penari dengan menusukkan anak dabus atau senjata tajam di tubuh mereka.

#### **2.4 DEFINISI TARIAN DABUS**

Ramai mempertikaikan mengenai Tarian Dabus kerana jalinannya dengan alam mistik, jampi serapah dan unsur ritual dalam persembahan tariannya, yang menjurus kepada amalan khurafat dalam Islam. Tidak kurang juga berpendapat Tarian Dabus adalah keistimewaan dan warisan sebenar negara yang patut dipelihara dan dikekalkan, selain menganggap unsur mistik itu sebagai 'penambah perasa' dalam tarian tradisional. Berikutan pelbagai anggapan dan pertikaian, timbul persoalan sama ada Tarian Dabus ini perlu diteruskan dengan cara tradisional, termasuk penggunaan jampi serapah atau hanya diteruskan sebagai tarian biasa tanpa sebarang unsur mistik.

Imam Muda Mohd Hassan Adli Yahya berkata, jika tiada dalil yang menyatakan Tarian Dabus sebagai haram, maka hukumnya adalah harus. "Tapi kaedah hukum harus ini juga perlu sesuai dan mengikut syarat tertentu seperti pelaksanaan tarian ini tidak bercanggah dengan syariat. Jika melanggar dengan syariat ia boleh menjadi kesalahan. "Zaman Rasulullah SAW dulu pun ada permainan tradisi seperti tarian pedang oleh pemuda Habsyah. Mereka menari sambil bermain pedang tapi tidak sampai mencucuk diri dan mencederakan, tiada perkara khurafat. Malah, Rasulullah turut menontonnya, jadi ia adalah satu perkara harus," katanya.

Bagaimanapun, Mohd Hassan berkata, penggunaan kemenyan dalam upacara Tarian Dabus dilihat agak bercanggah dengan syariat kerana asap adalah makanan jin, selain tindakan mencucuk diri sendiri yang memungkinkan ada elemen ilmu kebal dalam tarian itu. Katanya, jika kemenyan dan asap digunakan sebagai upacara perubatan dalam tarian, ia sekali lagi bercanggah kerana dalam perubatan Islam tidak pernah menggunakan kemenyan dan asap, hanya menggunakan air. "Rasulullah pernah menyatakan tulang dan asap itu makanan jin. Saya takut jika perkara sebegini diteruskan, ia boleh memesongkan akidah. Begitu juga dengan jampi serapah yang dibaca, perlu tahu apa bacaannya.

"Kalau bacaan jampi serapah ini bercanggah, ia tidak boleh dibuat kerana takut jika membabitkan unsur pemujaan, ia boleh memesongkan akidah. Setiap perkara perlu jelas, sebagai contoh tarian kuda kepang. Jika penarinya boleh melompat tinggi dan makan bara api, kita boleh tahu ada unsur bantuan alam lain," katanya. Beliau turut menyatakan tarian tradisional sebegini boleh diteruskan dan setiap orang boleh belajar serta mengembangkan seni tarian tradisional berkenaan tetapi tidak perlu membawa masuk unsur mistik dan ritual. Sementara itu, Jabatan Kebudayaan Kesenian Negeri Perak (JKKN) mengiktiraf Tarian Dabus sebagai tarian tradisional Negeri Perak sejak lebih 40 tahun yang lalu. Penolong Pengarah JKKN Perak, Abdul Hamid Abdul Aziz,

berkata JKKN Perak turut membuat program pemuliharaan seni Tarian Dabus bagi meneruskan kesinambungan tarian tradisional itu agar tidak pupus.

"Kita ajar Tarian Dabus ini kepada generasi muda agar tarian ini tidak hilang. Namun apa yang JKKN Perak buat ialah mengajar pergerakan tarian, mainan alat muzik dan nyanyian dabus ini saja... lebih kepada untuk persembahan. "Tiada memasukkan ritual kerana hanya orang tertentu yang boleh membuat Tarian Dabus asli yang disertakan dengan jampi serapah dan upacara khas. Ini yang tidak sesuai untuk diajar kepada umum. Tarian Dabus asli lebih sesuai untuk tujuan penyelidikan saja kerana ia mempunyai unsur ritual di dalamnya," katanya. Abdul Hamid berkata, mengikut sejarah, Tarian Dabus dikategorikan sebagai permainan dan bukannya persembahan.

Asalnya setiap pemain akan menari sehingga kemuncaknya mencucuk diri sendiri, melambungkan batu giling dan membelah perut sendiri. Katanya, kini ia dijadikan persembahan dan diperbaharui kerana banyak teknik Tarian Dabus asli yang tidak sesuai lagi untuk diteruskan. "Tarian Dabus adalah sebahagian daripada kesenian warisan negara, tidak pernah dipinggirkan dan terus dipelihara kerana ia melambangkan kesenian dan kebudayaan negeri Perak." Kita tidak mahu tarian ini pupus, sebab itu kaedah persembahan kini diubah, malah generasi baru pun tidak mahu buat cara orang dulu. Kena disesuaikan dengan peredaran masa," katanya.

## 2.5 ALAT KHUSUS UNTUK PERTUNJUKKAN DABUS

Terdiri dari dua buah batang besi bulat sebesar ibu jari yang hujungnya diasah runcing dan tajam dan di bagian hujung lainnya dibentuk dengan kayu bulat sebesar telapak tangan dan dihiasi dengan untaian rantai besi kecil. Tarian dabus tradisional yang mempunyai unsur-unsur ritual ini tidak dapat dipisahkan dengan jampi serapah. Bagi memperkuat keberkesanan jampi serapah ini beberapa peralatan dan bahan yang digunakan di dalam perubatan tradisional adalah diperlukan. Bahan-bahan yang diperlukan adalah seperti berikut, kemiyam, bertih, beras kunyit, tepung tawar, air penawar bisa (pemulih) dan kemiyam.

Kemiyam amat penting di dalam segala upacara atau majlis yang berkaitan dengan perubatan tradisional. Kemiyam ini dibakar di dalam sebuah bekas khas yang disebut perasap. Sebelum permainan dabus dimulakan, kemiyam diasapkan di sekeliling gelanggang. Kemiyam ini juga, digunakan bagi mengasap peralatan-peralatan persembahan seperti anak dabus dan penari-penari sebelum mereka masuk ke gelanggang.

Bertih dan beras kunyit

Bahan-bahan ini digunakan untuk menabur dan menyiram seluruh gelanggang dan kawasan sekelilingnya bagi menjauhkan dari segala gangguan yang tidak diigini.

Air penawar bisa

Air penawar bisa penting bagi membasuh luka-luka dan menawarkan bisa-bisa besi pada lengan peneri-penari akibat tikaman anak-anak dabus. Campuran bahan-bahan air penawar bisa terdiri daripada hirisan umbut pisang, daun setawar yang diramas, daun



sireh serta hirisan batang serai. seperti bahan-bahan lain juga, air penawar ini juga dijampi.

## **2.6 PERSIAPAN SEBELUM PERSEMBAHAN**

Sesebuah kumpulan dabus yang asal terdiri daripada lebih kurang 22 orang termasuk pemain alat muzik dan penari. Dalam kumpulan tersebut terdapat seorang ketua dipanggil khalifah. Khalifah inilah orang yang bertanggungjawab memelihara keselamatan para pemain daripada sebarang gangguan yang boleh mencacatkan persembahan pada hari itu. Sebelum persembahan dimulakan khalifah akan merasapi dan merenjis air yang sudah dijampi ke seluruh pentas, para pemain, pemuzik dan anak dabus. Tujuannya adalah untuk mengelakkan daripada gangguan makhluk halus atau perbuatan orang nakal yang menguji kekebalan para pemain.

Selain daripada itu, khalifah juga akan bertindak memulihkan penari yang tidak sedarkan diri dan luka akibat daripada menikam lengan dengan anak dabus atau keris. Dalam permainan dabus, terdapat beberapa pantang larang yang harus dipatuhi. Pertamanya, tempat bermain hendaklah bersih, tubuh badan pemain juga hendaklah suci. Para pemain sama ada pemuzik dan penari ditegah daripada mencarut, mengeluarkan kata-kata lucah mahupun bermusuhan. Anak dabus pula hendaklah dijaga sesempurnanya. Anak dabus tidak boleh dilangkah, malah perlu dijauhkan daripada mencucuk ke tanah. Selain itu, orang luar yang bukan pemain dabus dilarang menyentuh semua peralatan permainan dabus. Melanggar pantang larang ini akan mengundang perkaraperkara yang tidak diingini berlaku.

## 2.7 PERSEMBAHAN

Permainan dabus akan bermula apabila alat-alat muzik dipalu dan lagu-lagu yang dipetik daripada kitab berzanji dan marhaban dinyanyikan. Nyanyian dalam persembahan dabus ini mempunyai sekali hadi (korus) dan sekali jawab. Hadi biasanya dipetik daripada kitab berzanji dan jawabnya pula rekaan sendiri di dalam Bahasa Kebangsaan seperti memuji kecantikan Negara Malaysia, kecantikan seorang perempuan, puji-pujian, nasihat dan sebagainya. Hadi pertama ialah Tanagal dan jawabnya Muradiseng, hadi kedua Faohesan dan jawabnya Allahummasalli. Sebahagian daripada contoh lagu yang disampaikan dalam persembahan dabus ialah:

Mu ra di seng Allah mu ra di seng

Kama la izin Allah mura ... di

Mura di yah Allah mura di yah

Kama la izin Allah mura .... .di

Terdapat dua lagu dalam zikir Bahasa Arab. Tetapi kini, zikir itu telah diubahsuai ke dalam Bahasa Kebangsaan. Zikir dabus sama ada dalam Bahasa Arab mahupun Bahasa Kebangsaan semuanya memuja dan memuji kebesaran Allah serta junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Salah satu senikata zikir dabus yang biasa disampaikan dalam persembahan dabus ialah:

Besi tua besi muda

Besi datang daripada Allah

Hendak makan sifat Muhammad

Takut ditimpa si kalamullah

Hullillah haillallah

Nabi Muhammad pesuruh Allah

Ingat semuanya kepada Allah

Bukannya salah permainan ini

Turun temurun semulajadi

Luar dan dalam semuanya diisi

Para penari akan keluar dan menghormati penonton sebelum memulakan tarian. Biasanya penari akan keluar berpasangan untuk menari. Sepasang di sini, tidak semestinya terdiri daripada seorang lelaki, seorang perempuan. Sepasang di sini bermaksud berdua, mungkin kedua-dua penari lelaki atau perempuan. Gerak langkah tarian ini ada tiga jenis yang dinamakan 'susun sireh', 'ayam tajak', dan 'helang sewah'. Susunan langkah adalah mengikut pilihan ahli-ahli tari, tetapi biasanya dimulai dengan susun sireh. Langkah tari dimulakan dengan gerak tertentu dengan melangkah ke hadapan tiga kali, kemudian duduk dan sembah, selepas itu barulah tarian seluruhnya dipersembahkan. Setiap seorang penari akan memegang sepasang buah dabus sambil menari.

Gerak tari adalah mengikut irama lagu dan nyanyian. Seorang penari akan keluar menari dan setelah selesai peranannya dia akan diganti oleh penari yang lain pula, begitulah bergilir-gilir sehingga tarian tamat. Lazimnya, setiap lagu memakan masa kira-kira sepuluh minit. Keistimewaan dan kelainan tarian dabus dengan tarian-tarian tradisi yang lain ialah penggunaan senjata tajam. Apabila tarian mula rancak, penari-penari mencucuk-cucukan anak dabus yang dipegang ke lengan mereka. Perbuatan ini kononnya

dilakukan ketika si penari dalam keadaan tidak sedarkan diri dan simbolik kepada persembahan dabus itu sendiri yang lebih kepada persembahan kepahlawanan. Selain daripada itu, ada pula yang melakukan perbuatan melambungkan batu giling dan ditahan dengan paha. Tindakan para penari ini pastinya akan mencederakan mereka, tetapi apabila selesai persembahan, mereka yang cedera akan dipulihkan oleh khalifah dalam kumpulan tersebut.

## **2.8 PAKAIAN**

Mengenai pakaian pula, ia bergantung kepada ketua pasukan untuk menentukan warna dan jenis pilihan pakaian ahlinya. Tetapi lazimnya bagi kanak-kanak, mereka memakai pakaian melayu berwarna hijau pucuk pisang manakala penari dewasa pula mereka memakai pakaian melayu yang lengkap dan berwarna hitam yang melambangkan kepahlawanan.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Dalam bab 3 metodologi ini adalah menumpukan perhatian untuk mendapatkan hasil kajian yang boleh dipercayai. Oleh itu, kaedah yang digunakan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Ianya dapat memperjelaskan bahawa pengkaji menggunakan metodologi bagi menyempurnakan kajian dalam perekaan bentuk kajian, menghasilkan sampel kajian, melakukan kaedah kajian, kaedah pengumpulan data dan analisis, mereka carta alir kajian. Kajian tinjauan adalah merupakan salah satu kaedah kuantitatif yang digunakan untuk mengkaji kelakuan atau pendapat sesebuah populasi atau kumpulan dengan menggunakan soal selidik yang berstruktur bagi proses pengumpulan data. Ianya terdapat dua jenis kajian tinjauan yang boleh digunakan iaitu kaedah kajian tinjauan berulang dan kajian rentas.

#### **3.2 REKABENTUK KAJIAN**

Secara umumnya kajian yang dilakukan adalah kajian kuantitatif. Kajian kuantitatif merupakan satu kajian secara umumnya menggunakan analisis statistic, ia lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil. Merujuk kepada istilah “kuantiti”

membawa erti berapa banyak atau bilangannya. Kuantiti merujuk kepada bilangan yang diskrit, yang dinyatakan dengan tepat. Berdasarkan kepada istilah kuantiti, penyelidikan kuantitatif dikaitkan dengan data numerika dan ketepatan. Ia adalah berdasarkan kaedah penyelidikan dimana penyelidikan dilakukan melalui kajian eksperimental dan data numerika yang dipungut dianalisis dengan ujian statistik. Melalui penyelidikan kuantitatif, masalah kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis.

### **3.3 SAMPEL KAJIAN**

Penelitian ini dilakukan dengan populasi masyarakat di Negeri Perak manakala sampel ini dipilih secara purposive sampling dengan responden yang terdiri daripada kalangan yang berumur dari 18-50 tahun kerana lingkungan umur tersebut kebanyakannya tahu tentang kewujudan tarian dabus ini dan sekali gus dapat melihat samada mereka dalam kalangan ini ambil peduli atau sebaliknya. Pengkaji memilih kaedah ini kerana tidak semua sampel yang ingin kita kaji sesuai untuk kajian penyelidikan.

### **3.4 KAEDAH KAJIAN**

#### **3.4.1 Data Primer**

Kaedah data primer yang digunakan oleh pengkaji adalah berbentuk kuantitatif. Pengkaji akan menggunakan pendekatan keratan rentas dengan menggunakan soal selidik yang akan diberikan dalam jangka masa yang panjang kepada kumpulan atau audien yang berbeza. Melalui kaedah ini pengkaji akan mengenalpasti tahap pengetahuan dan pemahaman masyarakat sekeliling mengenai kesedaran tahun melawat Negeri Perak dengan memperkenalkan tarian dabus serta menyediakan beberapa soalan kajian selidik dengan menggunakan aplikasi teknologi terkini iaitu Google Form.

#### **3.4.2 Data Sekunder**

Kaedah data sekunder yang digunakan oleh pengkaji juga adalah dengan melakukan pengumpulan dan analisis kandungan bahan ilmiah seperti buku, jurnal dan laman sesawang. Melalui kaedah ini pengkaji dapat mengenalpasti bahawa terdapat beberapa bahan ilmiah juga membincangkan berkenaan kesedaran masyarakat terhadap tarian dabus yang menjadi warisan.


### 3.5 KAEDAH MENGANALISIS DATA

Dalam kaedah pengumpulan dan analisis data, pengkaji akan menggunakan kaedah kajian rentas iaitu menggunakan soal selidik yang akan dijalankan pada satu tempoh tertentu terhadap kumpulan atau audien yang berbeza. Melalui proses ini pengkaji akan mengenalpasti tahap pengetahuan dan pemahaman masyarakat sekeliling mengenai kesedaran tahun melawat Negeri Perak dengan memperkenalkan tarian dabus dengan menyediakan beberapa soalan kajian selidik dengan menggunakan aplikasi teknologi terkini iaitu Google Form. Hal ini adalah bertujuan untuk mendapatkan reaksi responden dan jawapan yang telah ditetapkan dalam soalan soal selidik tersebut. Melalui kaedah ini juga, pengkaji akan menguji tahap kecenderungan responden dalam membuat pemilihan idea untuk memberikan jawapan yang bernas. Responden perlu menjawab soalan yang dikemukakan untuk memastikan keputusan yang telah diberikan akan dijadikan sebagai medium utama dalam pengumpulan data.

Di samping itu, pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan dan analisis kandungan bahan ilmiah seperti buku, jurnal dan laman sesawang supaya pengkaji dapat mengenalpasti dan mengesahkan bahawa terdapat beberapa pengkaji yang menggunakan bahan ilmiah untuk membincangkan tentang kesedaran tahun melawat Negeri Perak dengan memperkenalkan tarian dabus. Melalui kedua-dua kaedah ini dapat membantu pengkaji mengukuhkan kajiannya tentang kesedaran tahun melawat Negeri Perak dengan memperkenalkan tarian dabus di Negeri Perak dalam bentuk motion grafik.



### 3.6 KERANGKA KERJA KAJIAN



**Rajah 1: Kerangka Kerja Kajian**

### 3.7 CARTA GANTT

Minggu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16
Pemilihan Tajuk																
Permasalahan & Objektif																
Skop penyelidikan & Kepentingan kajian																
Persoalan Kajian																
Kajian Literatur																
Metodologi																
Kaedah Kajian																
Pembentangan																

**Jadual 1:** Carta Gantt

### **3.8 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, metodologi kajian merupakan input yang penting untuk dimasukkan dalam objektif kajian dalam menjalankan kajian metodologi sangat penting untuk menjayakan kajian yang ingin dijalankan. Kaedah sekunder merupakan kaedah yang diberikan perhatian dengan teliti. Kajian yang dilakukan akan menjadi teratur dengan membuat metodologi kajian. Secara keseluruhan, bab ini telah diterangkan secara terperinci mengenai kaedah yang akan digunakan dalam kajian yang melibatkan rekabentuk kajian, pengumpulan maklumat dan menganalisis, memberikan kesimpulan atau cadangan dan juga menghasilkan projek.

## **BAB 4**

### **HASIL DAN PERBINCANGAN**


#### **4.0 PENGENALAN**

Bab ini akan membincangkan tentang data yang telah dikumpulkan dan diperolehi oleh pengkaji melalui kaedah kuantitatif, iaitu borang soal kaji selidik yang telah disebarkan secara maya melalui “Google Form” untuk diisi oleh responden. Bab ini juga akan membincangkan lebih terperinci mengenai data yang telah diperolehi untuk menjawab setiap masalah dan objektif dalam kajian ini. Pengkaji akan menganalisis data melalui penyebaran borang soal kaji selidik untuk tujuan pengumpulan data daripada responden seperti yang telah dinyatakan dalam bab sebelum ini. Hasil kajian selidik berjaya meraih seramai 80 responden daripada seluruh Malaysia untuk membantu dalam meraih jawapan dan rumusan yang lebih meyakinkan mengenai mempromosikan tarian dabus dalam bentuk poster bagi tahun melawat Negeri Perak. Pengkaji hanya menumpukan kepada beberapa bahagian sahaja iaitu demografi responden, mengenalpasti tahap pengetahuan masyarakat mengenai tarian dabus di Perak dan persepsi responden mengenai poster tarian dabus.


## 4.1 ANALISIS DATA

### 4.1.1 DEMOGRAFI


Melalui kajian demografi yang dijalankan, dapat dilihat dari segi jantina, responden yang menjawab soalan bagi perempuan lebih ramai iaitu seramai 48 orang responden (60%) dan bagi lelaki pula 32 orang responden (40%). Di samping itu, majoriti responden yang menjawab soalan ini adalah berumur 18 tahun – 25 tahun seramai 56 orang responden (70%), manakala 26 tahun – 33 tahun seramai 16 orang responden (20%) dan 42 tahun keatas seramai 6 orang responden (7.5%) serta 34 tahun – 41 tahun mencatatkan yang paling sedikit iaitu 2 orang responden (2.5%). Seterusnya bagi pekerjaan pula, yang tertinggi responden terdiri daripada pelajar iaitu seramai 30 orang responden (37.5%), sektor swasta mencatatkan kedua tertinggi iaitu seramai 21 orang responden (26.2%) manakala sektor kerajaan pula seramai 12 orang responden (15%) serta bekerja sendiri seramai 9 orang responden (11.3%) dan lain-lain pula seramai 8 orang responden (10%). Bagi negeri pula, Negeri Perak mencatatkan paling tinggi responden seramai 53 orang responden (68.9%), Negeri Kelantan dan Kedah mencatatkan bilangan yang sama iaitu seramai 5 orang responden (6.5%) manakala Negeri Johor dan Selangor seramai 4 orang responden (5.1%). Seterusnya Negeri Pahang seramai 3 orang responden (3.8%) dan Negeri Pulau Pinang pula seramai 2 orang responden (2.5%) serta Negeri Sabah, Melaka dan Negeri Sembilan mencatatkan hanya seorang responden bagi setiap negeri (1.3%). Rajah 1, Rajah 2, Rajah 3 dan Rajah 4 akan menunjukkan sampel kajian demografi yang lebih terperinci.




**Rajah 4.1.1.1:** Maklumat Demografi Para Responden (Jantina)



**Rajah 4.1.1.2:** Maklumat Demografi Para Responden (Umur)



**Rajah 4.1.1.3:** Maklumat Demografi Para Responden (Pekerjaan)



**Rajah 4.1.1.4:** Maklumat Demografi Para Responden (Negeri)


#### 4.1.2 MENGENALPASTI TAHAP PENGETAHUAN MASYARAKAT MENGENAI TARIAN DABUS DI PERAK



**Rajah 4.1.2.1:** bilangan responden yang mengetahui tariyan dabus.

Berdasarkan carta pie diatas, 47 orang responden (58.8%) yang mengetahui mengenai tariyan dabus di Perak manakala 33 orang responden (41.3%) yang tidak tahu tentang kewujudan tariyan dabus di Perak. Ini menunjukkan bahawa seni warisan yang ditinggalkan semakin pupus dan masyarakat kurang mengambil tahu tentang warisan di Malaysia.





**Rajah 4.1.2.2:** promosi mengenai tarian dabus.

Berdasarkan carta pie diatas, seramai 52 orang responden (65%) tidak pernah melihat promosi atau iklan yang berkaitan dengan tarian dabus. Hanya 28 orang responden (35%) sahaja yang pernah melihat promosi tentang tarian dabus. Ini menunjukkan bahawa tarian dabus ini semakin tidak dikenali ramai akibat daripada kurangnya promosi berkaitan tentang tarian dabus.




**Rajah 4.1.2.3:** tarian tradisional ini patut untuk dikekalkan.

Berdasarkan carta pie diatas, majoriti responden bersetuju untuk mengekalkan tarian tradisional ini iaitu seramai 79 orang responden (98.8%) manakala hanya seorang responden sahaja (1.2%) yang tidak bersetuju untuk mengekalkan tarian tradisional ini. Hal ini mungkin disebabkan tiada perasaan untuk mengambil tahu tentang warisan nenek moyang yang ditinggalkan.



**Rajah 4.1.2.4:** mempromosikan tarian dabus ini dapat memberikan informasi dan pengetahuan kepada masyarakat.

Berdasarkan carta pie diatas, majoriti responden iaitu seramai 79 orang responden (98.8%) sangat bersetuju dengan mempromosikan tarian dabus ini dapat memberikan informasi dan pengetahuan kepada masyarakat. Manakala hanya seorang responden (1.2%) sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Secara kesimpulannya, menunjukkan setiap responden amat bersetuju, sekaligus mendapat hasil yang baik.



**Rajah 4.1.2.5:** poster atau item yang berkaitan tarian dabus.

Berdasarkan carta pie diatas, 45 orang responden (56.3%) tidak pernah melihat poster atau item yang berkaitan dengan tarian dabus. Manakala hanya 35 orang responden (43.8%) sahaja yang pernah melihat poster atau item yang berkaitan tarian dabus. Ini menunjukkan bahawa dengan adanya poster mempromosikan tarian dabus ini dapat mambantu masyarakat untuk lebih mengetahui tentang kewujudan tarian dabus, sekaligus dapat menaikkan semula seni warisan peninggalan nenek moyang kita.

#### 4.1.3 PERSEPSI RESPONDEN MENGENAI POSTER TARIAN DABUS



**Rajah 4.1.3.1:** penghasilan poster dapat membantu masyarakat supaya mengetahui mengenai tarian tradisional.

Tujuan carta diatas adalah untuk melihat dengan penghasilan poster ini dapat membantu supaya masyarakat lebih mengetahui mengenai tarian dabus di Perak. Hal ini menunjukkan 77 orang responden (97.5%) yang bersetuju dengan kenyataan diatas. Manakala 2 orang responden (2.5%) yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Secara kesimpulanya, objektif bagi kajian ini telah pun di capai dan mendapat hasil yang baik. Hal ini demikian kerana, jumlah responden yang setuju lebih ramai berbanding dengan responden yang tidak bersetuju.



**Rajah 4.1.3.2:** poster yang menjadi pilihan

Carta diatas menunjukkan responden menilai dan memilih poster yang menjadi pilihan mereka. Kebanyakan responden memilih poster 2 iaitu seramai 53 orang responden (68.8%). Manakala poster satu pula seramai 13 orang responden (16.9%) dan poster 3 hanya 8 orang responden (10.4%) serta yang paling sedikit poster 4 iaitu hanya 3 orang responden (3.9%). Secara kesimpulannya, setiap poster yang dipilih responden mengikut keahaman mereka terhadap poster tersebut.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



**Rajah 4.1.3.3:** susun letak poster yang sesuai untuk dijadikan kempen.

Carta terakhir adalah carta diatas yang menunjukkan bahawa 36 orang responden (46.2%) yang memilih contoh poster gambar. Manakala 32 orang responden (41%) memilih contoh poster infografik dan hanya 10 orang responden (12.8%) yang memilih contoh poster gambar & infografik. Dengan ini, pengkaji jugak dapat membuat kesimpulan bahawa kebanyakan responden lebih tertarik kepada poster yang bergambar.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **4.2 PEMBANGUNAN PRODUK**

Di dalam proses pembangunan produk terdapat tiga proses yang terlibat iaitu peringkat pra produksi, produksi dan juga pos produksi.

### **4.2.1 PRA PRODUKSI**

Peringkat ini merupakan proses terawal dalam proses pembangunan produk iaitu fasa pengembangan idea atau dikenali juga sebagai fasa penyelesaian masalah. Antara proses-proses yang terlibat pada peringkat ini adalah konsep poster, lakaran poster, pemilihan warna dan tipografi yang sesuai bagi setiap poster yang dihasilkan.

#### **4.2.1.1 PEMBANGUNAN IDEA**


Pengkaji mencari idea dengan melihat iklan dan poster yang sedia ada di pasaran. Tambahan lagi dengan hasil analisis borang soal selidik yang telah dianalisis. Peringkat ini termasuk proses di mana pemilihan idea produk, grafik yang ingin digunakan, warna, tipografi dan sebagainya. Fokus utama adalah elemen yang mampu mempengaruhi audiens.

### **4.2.2 PRODUKSI**

Pada peringkat ini pengkaji menggunakan Adobe Illustrator dan Adobe Photoshop untuk menghasilkan poster yang mampu menarik minat audiens untuk lebih tertarik dengan poster tersebut.



**Rajah 4.2.2.1:** adobe yang digunakan untuk menghasilkan poster



**Rajah 4.2.2.1:** proses penghasilan yang pertama.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN





Rajah 4.2.2.1: proses penghasilan yang kedua.




Rajah 4.2.2.1: proses penghasilan yang ketiga.



Rajah 4.2.2.1: proses penghasilan yang keempat.

### 4.2.3 PASCA PRODUKSI

Pada peringkat ini poster yang telah dihasilkan menggunakan adobe photoshop ini akan dikemaskan dan menjadikan sebuah poster yang mampu menarik minat audiens.



Rajah 4.2.2.1: proses penghasilan yang terakhir.

#### 4.6 KESIMPULAN

Proses untuk menghasilkan poster sebagai bahan untuk mempromosikan dan menarik minat masyarakat bukanlah sesuatu yang mudah, namun tidak mustahil untuk dihasilkan. Pelbagai peringkat dalam proses pembuatan yang perlu dilakukan sebelum produk akhir dapat dihasilkan. Selain itu, untuk membuat sesuatu poster yang kreatif dan menarik amatlah memerlukan idea yang kreatif. Membangunkan medium ini juga merupakan satu cabaran kepada pengkaji malah perlu mengubah beberapa kali supaya sesuai dengan situasi yang ingin digambarkan atau disampaikan. Semoga dengan kewujudan poster ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat serta negara.

## **BAB 5**

### **CADANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.0 PENGENALAN**

Di dalam bab terakhir ini, kesimpulan dan cadangan akan dibincangkan berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji pada bab yang sebelum ini. Segala kesimpulan dan cadangan yang dibuat dengan hasil pemerhatian daripada soal kaji selidik yang dijalankan menunjukkan hasil poster mempromosikan tarian dabus dalam bentuk poster bagi tahun melawat negeri Perak.

#### **5.1 CADANGAN PENYELIDIKAN**

Cadangan penyelidikan adalah untuk memperlihatkan keberkesanan sesebuah penyelidikan supaya objektif dapat dicapai dengan baik seperti yang diinginkan oleh pengkaji. Kajian pengkaji mengenai mempromosikan tarian dabus dalam bentuk poster bagi tahun melawat Negeri Perak telah dilakukan dengan baik dan dapatan analisis kajian juga memperlihatkan keputusan yang positif dimana masyarakat atau responden memberikan kerjasama dan tindak balas yang baik terhadap soal selidik yang telah disediakan oleh pengkaji. Umumnya, responden mengetahui akan kepentingan sesebuah seni warisan yang harus dipertahankan agar tidak ditelan zaman.

Melalui kaedah temubual bersama pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perak (JKKN) iaitu Encik Abd Rashid bin Abdullah menyatakan bahawa tarian dabus kini yang semakin dilupakan harus dipertahankan sebagai seni warisan peninggalan

nenek moyang kita. Namun, tidak semua lapisan masyarakat ingin mengambil tahu tentang adanya tarian dabus ini. Sebagai pihak yang bertanggungjawab, JKKN harus menjaga dan sentiasa mengambil pelbagai inisiatif dalam menarik minat masyarakat untuk mendekati dan mengenali lebih dekat mengenai tarian dabus di Perak. Oleh itu, pengkaji telah mengenalpasti beberapa permasalahan tersebut sebagai satu penyelidikan yang jelas dan berkesan.

Cadangan penyelidikan pengkaji bermula apabila pengkaji mengenalpasti tarian tradisional terutama tarian tradisional dabus ini semakin kurang diminati oleh generasi muda. Golongan ini lebih cenderung kepada tarian berbentuk moden dan tarian barat yang di bawa masuk ke dalam negara ini. Ini menyebabkan tarian tradisional khususnya tarian dabus semakin dilupa dan ditinggirkan. Jika dibiarkan keadaan ini berterusan tarian tradisional akan pupus dan melenyapkan budaya masyarakat Melayu yang diamalkan sejak dahulu lagi.

Dalam mempromosikan tarian dabus dalam bentuk poster bagi tahun melawat Negeri Perak, pengkaji telah mengambil kira dari pelbagai sudut sebelum mempromosikan poster dilakukan. Hal ini kerana supaya masyarakat mengambil tahu dan berminat akan cadangan yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji mengambil kira dari pelbagai sudut terutamanya dari segi rekabentuk poster, penggunaan warna, reka letak dan tipografi supaya dapat menarik perhatian orang ramai.

Keberkesanan rekabentuk dapat dilihat selepas responden memberikan maklum balas yang positif dan memersetujui akan rekabentuk yang dilakukan oleh pengkaji. Tidak ketinggalan juga, pengkaji juga telah mengenalpasti tahap penerimaan masyarakat terhadap rekabentuk yang mereka lebih tertarik atau sebaliknya. Namun, majoriti

responden sangat bersetuju dengan adanya promosi tarian dabus dalam bentuk poster ini dapat mengekalkan seni warisan tradisional kita.

## 5.2 CADANGAN

Setiap seni warisan tradisional melayu itu harus dijaga agar tidak ditelan zaman. Namun begitu, dengan adanya mempromosikan dapat menarik minat masyarakat akan tarian dabus. Oleh itu, poster memainkan peranan penting dalam mempromosikan sesuatu agar masyarakat ada rasa ingin mengambil tahu tentang kewujudan seni tradisional melayu yang harus dipertahankan untuk generasi akan datang. Sekaligus, dapat menarik minat setiap lapisan masyarakat untuk mengenali tarian dabus.

Pengkaji berpendapat bahawa dengan mempromosikan serta bijak mengambil peluang untuk membangunkan seni warisan melayu ini dapat memupuk nilai cinta akan warisan yang ditinggalkan. Hal ini kerana, apabila masyarakat tertarik dengan tarian dabus pihak JKKN harus membuka peluang untuk generasi muda menceburi dan mempelajari tarian dabus ini. Peluang yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah seperti penambahbaikan dari segi rekabentuk dalam promosi. Dengan penghasilan poster yang menarik dapat menarik minat generasi muda untuk menceburi bidang tarian dabus ini.

Pengkaji juga berpendapat bahawa, rekabentuk adalah amat penting iaitu mendedahkan keunikan tarian tradisional terutamanya tarian dabus kepada masyarakat umum. Kebanyakan masyarakat terutama generasi baru hanya mengenali nama tetapi tidak tahu keunikan tarian tersebut. Sedangkan tarian tradisional terutama tarian dabus mempunyai pelbagai keunikan yang tiada pada tarian moden. Contohnya tarian dabus menggunakan alat muzik secara langsung tetapi tarian moden menggunakan muzik yang

sudah dirakam. Bukan hanya rekabentuk perlu dititikberatkan, namun faktor lain juga perlu dipertimbangkan supaya penghasilan poster yang baik dapat dihasilkan.

### **6.3 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, terdapat banyak jenis media dan cara untuk menyampaikan segala informasi kepada semua masyarakat di luar sana. Namun begitu, dengan adanya rekabentuk seperti pengiklanan ataupun poster ini dapat menyampaikan informasi, sekaligus dapat menarik minat masyarakat untuk lebih mengenali tarian dabus ini. Setiap penghasilan poster mestilah kreatif dan mampu menarik minat masyarakat. Pengkaji mahu membuka mata-mata di luar sana mengenai seni warisan melayu yang semakin dilupakan. Dengan adanya poster ini dapat membantu menyampaikan sesuatu dengan lebih berkesan dan efektif pada masa kini.

**RUJUKAN**

A. Aziz Deraman. (2005). *Asas Pemikiran Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Al-Ahmadi, (2004). *Tamadun Rumpun Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia.

Nik Mustapha Nik Mohd Salleh (1995). *Alat muzik tradisional dalam masyarakat Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Matusky P. & Tan, S. B. (1997). *Muzik Malaysia: Tradisi klasik, rakyat dan sinkretik*. The Asian Centre, Pulau Pinang.

Mohd. Kipli Abdul Rahman, 2012. *Sinkritisme dalam Wayang Wong Johor*. Pulau Pinang: Penerbit USM.

Mohd. Sulaiman Hj. Yasin, 1984. *Pengantar Akidah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Osman Bakar, 1994. "Perspektif Kosmologi Tasawuf dalam Pemikiran Kosmologi Melayu". Kertas Kerja dlm. Seminar Antarabangsa Kosmologi Melayu. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 24–26 Januari 1994, hlm. 639.

Tengku Lucman Sinar, 1978. *Sumatera Timur Zaman Purbakala*. Medan: Wira. Trusted, Jennifer. 1991. *Physics and Metaphysics: Theories of Space and Time*. London: Routledge.

\_\_\_\_\_ (2003). *Tarian Dabus: Siri Tarian Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur. OAK Enterprise.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## LAMPIRAN

7/3/2021 MEMPROMOSIKAN TARIAN DABUS DALAM BENTUK POSTER BAGI TAHUN MELAWAT NEGERI PERAK

### MEMPROMOSIKAN TARIAN DABUS DALAM BENTUK POSTER BAGI TAHUN MELAWAT NEGERI PERAK

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Saya Asmidah binti Azman, no. matrik C17A0026 pelajar tahun 4, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Bachok sedang menjalankan penyelidikan tahun akhir. Tujuan saya menjalankan kajian ini adalah untuk mengkaji tentang mempromosikan tarian dabus dalam bentuk poster bagi tahun melawat Negeri Perak.

BAHAGIAN A: DEMOGRAFI PENGENALAN DIRI

1. JANTINA :

*Mark only one oval.*

Lelaki

Perempuan

2. UMUR :

*Mark only one oval.*

18 tahun - 25 tahun

26 tahun - 33 tahun

34 tahun - 41 tahun

42 tahun keatas

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

[https://docs.google.com/forms/d/1uz\\_qk08Ay\\_6GakjiZOb6Ud0WZaTEsRdgvThnyA-dfSE/edit](https://docs.google.com/forms/d/1uz_qk08Ay_6GakjiZOb6Ud0WZaTEsRdgvThnyA-dfSE/edit) 1/5

## 3. PEKERJAAN :

Mark only one oval.

- Kerajaan  
 Sektor swasta  
 Bekerja sendiri  
 Pelajar  
 Lain-lain

## 4. NEGERI :

\_\_\_\_\_

BAHAGIAN  
B

MENGENALPASTI TAHAP PENGETAHUAN MASYARAKAT MENGENAI TARIAN DABUS DI PERAK

## 5. 1. Adakah anda mengetahui mengenai tarian dabus di Perak?

Mark only one oval.

- Ya  
 Tidak

## 6. 2. Pernahkah anda melihat promosi mengenai tarian dabus?

Mark only one oval.

- Ya  
 Tidak

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

7. 3. Pada pendapat anda, adakah tarian tradisional ini patut untuk dikekalkan?

Mark only one oval.

- Ya  
 Tidak

8. 4. Adakah dengan mempromosikan tarian dabus ini dapat memberikan informasi dan pengetahuan kepada masyarakat?

Mark only one oval.

- Ya  
 Tidak

9. 5. Adakah anda pernah melihat poster atau item berkaitan tarian dabus?

Mark only one oval.

- Ya  
 Tidak

BAHAGIAN C

PERSEPSI RESPONDEN MENGENAI POSTER TARIAN DABUS

10. 1. Pada pendapat anda, adakah dengan penghasilan poster dapat membantu masyarakat supaya lebih mengetahui mengenai tarian dabus?

Mark only one oval.


- Ya  
 Tidak

11. 2. Pada pendapat anda, yang mana satukah poster yang lebih menjadi pilihan?

Mark only one oval.




contoh poster 1



contoh poster 2



contoh poster 3



contoh poster 4

12. 3. Pada pendapat anda, yang manakah susun letak bagi poster tarian dabus ini sesuai untuk dijadikan sebagai kempen?

Mark only one oval.



contoh poster infografik



contoh poster gambar



contoh poster gambar & infografik

This content is neither created nor endorsed by Google.

Google Forms

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

# MEMPROMOSIKAN TARIAN DABUS DALAM BENTUK POSTER BAGI TAHUN MELAWAT NEGERI PERAK



**Asmidah Binti Azman**  
C17A0026  
asmidah.c17a0026@siswa.umk.edu.my  
0139220826

Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif  
Rekabentuk Komunikasi Visual

Cik Izati Nabila Binti Marzuki

## ABSTRAK

Tarian dabus merupakan sejenis tarian melayu tradisional. Tarian ini berasal dari negeri Perak dan mengandungi unsur keagamaan yang berkait dengan kepahlawanan Sayidina Ali. Tarian ini dipercayai mula dimainkan di negeri Perak sejak 300 tahun yang lalu. Tujuan kajian ini adalah untuk menaikkan semula seni warisan peninggalan yang semakin dilupakan oleh masyarakat pada hari ini. Kajian ini menggunakan kaedah teknik pengumpulan data melalui kaji selidik, pemerhatian dan sumber rujukan serta soal selidik. Oleh itu, kajian yang dibuat ini merupakan salah satu pendekatan yang berkesan dengan adanya cara baru terhadap yang lebih baik. Mungkin sebelum ini kebanyakan masyarakat kurang mengambil tahu tentang tarian dabus dan dengan adanya pembaharuan melalui mempromosikan dapat menarik minat masyarakat untuk lebih mengenali.

## PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah masyarakat mengenali sejarah dan perkembangan tarian dabus di negeri Perak atau sebaliknya?
2. Adakah dengan memperkenalkan tarian dabus dalam tahun melawat perak melalui kempen kesedaran dapat disampaikan?
3. Mengapakah tarian dabus kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat pada hari ini?

## OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti pengetahuan dan pemahaman masyarakat mengenai sejarah dan perkembangan tarian dabus di perak.
2. Mengenalpasti kaedah yang lebih sesuai dan berkesan bagi mempromosikan tarian dabus dalam tahun melawat perak melalui kempen kesedaran.
3. Mengkaji sejauh mana masyarakat tahu tentang tarian dabus yang berada di negeri Perak.

## METODOLOGI KAJIAN



## KAJIAN LITERATUR

Mohd Ghouse Nasurudin (1995) telah mengupas mengenai kesenian Dabus di Perak telah menyatakan bahawa Dabus dipercayai berunsurkan konsep Islamik dan mempunyai pengaruh dari Arab iaitu pada zaman pemerintahan Rasulullah SAW dan empat orang sahabatnya iaitu Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Saidina Usman dan Saidina Ali

Rozimah Bidin dan Maziah Ab. Rashid (2007) telah mengupas mengenai Dabus dengan menjelaskan bahawa tarian ini menggabungkan beberapa aspek bunyi seperti gendang dabus, gong dan zikir serta goyongan anak Dabus yang bergemerik.

Zainal Abidin Borhan (2009) menjelaskan budaya terdiri daripada semua proses belajar dalam sesebuah masyarakat selain kesenian dan kebudayaan yang turut memperlihatkan persoalan mengenai penyesuaian diri (Kluckhorn, 1952)

## ANALISIS DATA KAJIAN



## CADANGAN

- Cadangan kajian yang telah dijalankan ini diteruskan dengan menggunakan poster yang lebih menarik dan kreatif untuk menarik minat masyarakat.
- Pihak JKKN harus membuka peluang untuk generasi muda menceburi dan mempelajari tarian dabus ini, disamping dapat memupuk nilai cinta akan seni warisan melayu.

## PEMBANGUNAN PRODUK



## KESIMPULAN

Kesimpulannya, terdapat banyak jenis media dan cara untuk menyampaikan segala informasi kepada semua masyarakat di luar sana. Namun begitu, dengan adanya rekabentuk seperti pengiklanan ataupun poster ini dapat menyampaikan informasi, sekaligus dapat menarik minat masyarakat untuk lebih mengenali tarian dabus ini. Setiap penghasilan poster mestilah kreatif dan mampu menarik minat masyarakat. Pengkaji mahu membuka mata-mata di luar sana mengenai seni warisan melayu yang semakin dilupakan. Dengan adanya poster ini dapat membantu menyampaikan sesuatu dengan lebih berkesan dan efektif pada masa kini.

